

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 14 – 16 berdasarkan bahan di bawah.

Sebermula telah beberapa lamanya hampirlah genap bulannya maka isterinya pun menangis hendak makan buah mempalam dalam taman Maharaja Indera Dewa itu. Maka suaminya pun menangis terkenangkan untungnya tatkala ia lagi menjadi raja keinderaan itu tidak mahu beranak seraya berkata, "Akan sekarang sudah melarat maka baharulah hendak beranak," seraya berkata pada isterinya, "Wahai adinda, tuan hendak membunuh kakanda serupa ini. Tiadakah barang sesuatu, hampir kepada kampung orang tiada boleh."

Setelah didengar oleh isterinya kata suaminya itu demikian, maka ia pun menangis. Maka kata suaminya, "Diamlah tuan dahulu, jangan menangis, biarlah kakanda pergi mencari akan tuan buah mempalam itu. Jikalau dapat oleh kakanda akan buah mempalam itu kakanda berikan kepada tuan."

Maka baharulah ia diam. Maka suaminya pun pergilah berjalan. Setelah ia bertemu dengan kedai orang berjual buah itu, maka Miskin itu pun berhentilah di situ. Hendak pun dipintanya takut ia akan orang. Maka katanya orang berkedai, "Apa kehendakmu, Miskin?" Maka sahut Miskin, "Jikalau ada belas serta kasihan tuan hamba akan orang daif lagi miskin telah terbuang itu, hamba hendak akan buah yang buruk-buruknya itu barang sebuah sahaja."

Maka terlalulah belas kasihan rasanya hati segala yang mendengar kata Si Miskin itu seperti akan hancur rasanya.

Maka ada yang memberi buah,
ada yang memberi juadah,
ada yang memberi nasi,
ada yang memberi kain,
ada yang memberi buah-buahan,
akan anak yang diidamkan oleh isterinya.

Maka Miskin pun hairanlah akan dirinya sebab bertuah untungnya maka boleh diberi orang pasar berbagai-bagai jenisnya. Adapun tatkala akan dahulu jangankan diberinya, hampir pun tiada boleh, dilemparnya dengan batu dan kayu. Setelah sudah fikir demikian itu maka ia pun kembalilah mendapatkan bininya. Maka segala buah-buahan dan makanan dan kain baju itu pun ditunjukkan kepada bininya *seraya berceterakan halnya* tatkala di pasar itu.

Dipetik daripada prosa tradisional 'Bahagia Sesudah Derita',
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

14. Maksud rangkai kata *seraya berceterakan hal* ialah

- A mula berkata tentang.
- B sambil bercerita peristiwa.
- C sambil menyatakan perkara.
- D akan menceritakan kejadian.


15. Antara yang berikut, yang manakah merupakan makanan yang diminta oleh isteri Miskin?

- A nasi
- B tebu
- C mempalam
- D ketupat

16. Berdasarkan petikan prosa tradisional, Miskin digambarkan sebagai seorang yang

- A tabah.
- B patuh.
- C pemalu.
- D peramah.

1. Lihat bahan di bawah dengan teliti.
Berdasarkan bahan tersebut, tulis dua peribahasa yang sesuai.



- (i) _____
(ii) _____

2. Baca bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Akhirnya akulah yang akan membawa tapai ubi itu ke warung-warung berdekatan. Sudah menjadi rutin. Aku dan tapai, tapai dan aku seperti ada keserasiannya.

Setelah aku di universiti, baru aku sedar betapa bapa dan emak banyak berjasa kepadaku. Berkat hasil jualan tapai, aku adik-beradik berjaya juga menjejakkan kaki ke menara gading. Aku sendiri tidak menyangka aku diterima masuk ke fakulti perubatan setelah hampir dua tahun aku belajar di sebuah pusat matrikulasi.

Dipetik daripada cerpen 'Legasi Tapai Ubi',
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

"Maaf cikgu ... saya tak dapat lagi pergi ke sekolah," katanya sedih.

"Kenapa?"

"Beruk saya ... saya cari makan dengan Chot, tapi dia dah mati ..."

Jiwa Cikgu Sunan tersentak bagai ditikam lembing yang berkarat. Kata-kata Alias benar-benar menusuk hatinya. Barulah dia sedar segala-galanya.

"Maafkan saya, Alias! ... jangan bimbang. Insya-Allah saya biaya kamu sampai ke universiti," kata Cikgu Sunan lalu memeluk Alias seperti anak kesayangannya.

Dipetik daripada novel, *Chot*
karya Azizi bin Haji Abdullah, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (a) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, apakah persamaan yang digambarkan dalam kedua-dua bahan tersebut?

- (b) Berikan **dua** nilai yang terdapat dalam kedua-dua bahan tersebut.

- (c) Kita hendaklah membantu murid-murid miskin supaya mereka tidak tercicir dalam pelajaran.

Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk membantu murid-murid yang miskin di sekolah? **KBAT** Menilai **HEBAT MODUL 2**

3. Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 3.

- (i) *Chot* karya Azizi Bin Haji Abdullah
- (ii) *Hempasan Ombak* karya Zailiani Taslim
- (iii) *Justeru Impian di Jaring* karya Zaid Akhtar
- (iv) *Tawanan Komander Caucasus* karya Ruzaini Yahya

Sudut Sastera

- Nilai ialah sifat-sifat baik seperti sabar, berani, rajin, dan sebagainya yang ditunjukkan melalui watak-watak dalam karya.

Nilai dalam sesebuah karya digambarkan melalui peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh watak-watak dalam karya tersebut.

Berdasarkan sebuah novel di atas, jelaskan **tiga** nilai berserta contoh peristiwa yang sesuai dengan nilai tersebut.